

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)  
 Hari/Tarikh: 24/4/2016  
 Muka surat: 7

Tajuk : Usaha rapatkan jurang persatuan belia, universiti

Tempatan

Ahad, 24 April 2016 **Utusan Borneo** / 7

# Usaha rapatkan jurang persatuan belia, universiti

## Kementerian kenal pasti enam universiti seluruh negara untuk Jelajah Kampus Rakan Muda: Khairy

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Kementerian Belia dan Sukan mengenal pasti enam universiti bagi program Jelajah Kampus Rakan Muda yang akan dilaksanakan di seluruh negara sepanjang tahun 2016.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata program ini akan dilaksana dengan kerjasama pihak universiti dan Majlis Belia Malaysia (MBM) menggantikan program Festival Belia Putrajaya.

"Program ini merupakan salah satu daripada usaha kementerian menarik ramai lagi mahasiswa menyertai persatuan belia memandangkan definisi belia di bawah dasar belia baharu 2018 akan diturun kepada umur 30 tahun.

"Atas sebab itu, kita memerlukan lebih ramai lagi pelapis dan pemimpin persatuan yang datang daripada universiti bagi mengurangkan jurang persatuan belia dan universiti," katanya.

“Program ini merupakan salah satu daripada usaha kementerian menarik ramai lagi mahasiswa menyertai persatuan belia memandangkan definisi belia di bawah dasar belia baharu 2018 akan diturun kepada umur 30 tahun.”

Khairy Jamaluddin  
Menteri Belia dan Sukan

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena program Jelajah Kampus Rakan Muda di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan di sini semalam yang turut dihadiri Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Selain UNIMAS, program yang sama turut akan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Selangor pada 15 Mei, diikuti Taylor Universiti Selangor (Julai), Universiti Multimedia

(MMU) Melaka (Ogos), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Terengganu (September) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah (Oktober).

Antara objektif program ini adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada penuntut pengajian tinggi terlibat dalam program penyerlahan bakat.

Di samping itu, program ini juga bertujuan membuka minda belia khususnya penuntut universiti untuk



**LANCAR:** Khairy (dua kanan) melakukan simbolik pelancaran program Jelajah Kampus Rakan Muda di UNIMAS semalam. Turut kelihatan Fadillah (kanan).

menerima idea baharu dan mendapat inspirasi mencipta atau melakukan sesuatu me-

narik dan memberi impak positif.

"Harapan kita, melalui

program ini lebih ramai golongan belia yang berbakat akan memohon dana bantuan

keuangan menerusi portal [www.rakanmuda.my](http://www.rakanmuda.my) bagi melaksanakan program yang mempunyai impak positif kepada masyarakat.

"Sebagai contoh, bakat dalam bidang pembuatan menggunakan barangan kitar semula membawa mesej kelestarian alam sekitar atau bakat dalam bidang muzik yang dijadi sebagai terapi bagi kanak-kanak kelainan upaya (OKU)," katanya.

Jelasnya, keseluruhan dana disediakan kerajaan adalah RM20 juta dan sebahagian daripadanya telah dimohon termasuk baki akan disalurkan bergantung kepada permohonan projek dengan anggaran antara RM10,000 hingga RM20,000.

Dalam pada itu antara pengisian program di UNIMAS semalam ialah, persembahan pentas, bengkel, galeri atau pameran, jumpa dan cerita, bazar dan trak makanan, pendaftaran rakan muda, aktiviti MBM dan Sekretariat Rakan Muda (SRM).